



# MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.


(Company No. 902884-V)

(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)  
(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN TENDER

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa kontraktor ("Penender") yang berpotensi untuk mengambil bahagian di dalam tender bagi kerja seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)
<p><b>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: LALUAN KAJANG</b></p> <p><i>TENDER FOR RECTIFICATION AND ENHANCEMENT OF EXISTING ROOFING SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT MULTI-STOREY PARK 'N' RIDE (MSPR) SUNGAI BULOH, KAJANG LINE</i></p> <p><b>TENDER NO : KGL-MRTC-GENE-OVPR-TEN-000040</b></p>	<p>Memiliki dokumen yang sah seperti berikut:</p> <p>i. Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</p> <p>ii. Sijil Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <p>Gred G6 atau ke atas</p> <p>Kod Pengkhususan</p> <p>Kod: B04 – Kerja-kerja Pembinaan Bangunan;</p> <p>iii. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status:Patuh) dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</p>	<p>Tarikh : <b>Rabu, 20 Mei 2026</b></p> <p>Masa : <b>10:00 pagi</b></p> <p>Lokasi : <b>Google Meet (Pautan taklimat akan dihantar ke alamat e-mel yang dinyatakan dalam pendaftaran atas talian)</b></p> <p>Bagi menyertai taklimat tender ini, Penender yang berminat hendaklah melengkapkan pendaftaran secara dalam talian menerusi salah satu pautan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Laman Web MRT Corp. <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a>; atau</li><li>2. <a href="https://forms.gle/ZcmuyMANm6pmaEcF8">https://forms.gle/ZcmuyMANm6pmaEcF8</a>; atau</li><li>3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li></ol>  <p>Pendaftaran akan dibuka mulai <b>Khamis, 14 Mei 2026</b> sehingga hari <b>Rabu, 20 Mei 2026</b>. Hanya Penender yang telah mendaftar serta memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender. Kehadiran adalah <b>WAJIB</b>, dan Penender tidak dibenarkan untuk menyertai tender sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat tender.</p> <p>Seramai dua (2) orang wakil daripada setiap Penender sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>Wakil-wakil daripada pihak Penender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengarah Urusan; atau</li><li>2. Pengurus Projek; atau</li><li>3. Pengurus Kontrak dan Komersial.</li></ol>

1. Dokumen tender akan diberikan kepada Penender yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
2. Penender wajib menyerahkan dokumen tender yang telah lengkap termasuk semua maklumat sokongan yang diperlukan dan sebagaimana ditetapkan dalam dokumen tender.
3. Tarikh akhir serahan bagi dokumen tender adalah pada hari **Isnin, 8 Jun 2026 dan tidak lewat daripada jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Penender lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender pada bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.  
Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),  
Tingkat 6, Menara I&P 1,  
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

5. Selain daripada syarat-syarat di atas, Penender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

### KRITERIA MANDATORI TEKNIKAL

- i. Berjaya menyiapkan kerja-kerja bumbung beserta struktur keluli dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu dengan minimum satu (1) projek bernilai kontrak tunggal tidak kurang daripada RM 2,000,000.00.

### KRITERIA MANDATORI KEWANGAN

- i. Dana Pemegang Saham mestilah RM 400,000.00.
- ii. **EBITDA** terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif.

#### Nota:

1. MRT Corp berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Penender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Penender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Penender terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
2. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement.aom@mymrt.com.my](mailto:procurement.aom@mymrt.com.my). Penender boleh melayari laman web [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.